

Beri subsidi elak tambang naik - PMBOA

KUALA LUMPUR 19 Julai - Persatuan Pengusaha Bas Seluruh Malaysia (PMBOA) menyarankan kerajaan memperuntukkan subsidi bagi memasang alat kawalan had laju pada bas ekspres untuk mengelakkan kenaikan harga tambang kepada penumpang.

Bendaharinya, J. Suchdav berkata, jika kos pemasangan alat tersebut terpaksa ditanggung sendiri, pengusaha bas ekspres kemungkinan besar terpaksa menaikkan harga tambang.

Katanya, lagipun harga tambang bas ekspres tidak pernah dinaikkan semenjak tahun 2008.

"Kita sudah mengikut kehendak Suru-

hanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk memasang Sistem Pengesanan Global (GPS), kotak hitam dan sistem telematik menggunakan kos sendiri sebelum ini tanpa kenaikan harga tambang.

"Jadi jika tidak ditanggung kos pemasangan, kita harap orang ramai bersedia dengan kenaikan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Kementerian Pengangkutan mengumumkan akan mewajibkan semua bas ekspres di negara ini memasang alat khas kawalan had laju kenderaan bagi memastikan semua pemandu mematuhi had laju yang ditetapkan.

Tambah Suchdav, beliau berharap pihak SPAD sentiasa konsisten dalam pelaksanaan setiap peraturan yang ditetapkan supaya tidak melibatkan kerugian kepada kedua belah pihak.

"Kita sambut baik dan sedia bekerjasama dengan SPAD demi keselamatan penumpang kerana itulah yang menjadi keutamaan kami sejak dahulu.

"Cuma kita berharap SPAD konsisten dan tidak terjadi kes seperti sebelum ini di mana pemasangan kotak hitam ditarik semula kerana masalah kualiti setelah kami semua menanggung kos yang agak tinggi," katanya.